



PERATURAN TATATERTIB

+ **Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Melaka** +
(PANM)

M. P.U. 10.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB)
(NEGERI MELAKA) 2002

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan mula berkuat kuasa.
2. Pemakaian.
3. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KELAKUAN

4. Tatakelakuan.
5. Pekerjaan luar.
6. Pakaian.
7. Dadah.
8. Hadiah, dsb.
9. Keraian.
10. Pemunyaan harta.
11. Menyenggara taraf kehidupan yang melebihi emolumen dan pendapatan persendirian lain yang sah.
12. Meminjam wang.
13. Keterhutangan kewangan yang serius.
14. Laporan mengenai keterhutangan kewangan yang serius.
15. Meminjamkan wang.
16. Penglibatan dalam pasaran komoditi atau pasaran sekuriti hadapan.
17. Cabutan bertuah atau loteri.
18. Penerbitan buku, dsb.

Peraturan

19. Membuat pernyataan awam.
20. Larangan bertindak sebagai penyunting, dsb. bagi surat khabar, dsb.
21. Mengambil bahagian dalam politik.
22. Memulakan prosiding undang-undang dan bantuan guaman.
23. Ketidakhadiran.

BAHAGIAN III

TUGAS KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB

24. Tugas kawalan dan pengawasan tatatertib.

BAHAGIAN IV

TATACARA TATATERTIB

Tatacara Am

25. Syarat-syarat bagi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.
26. Pengerusi Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah menentukan jenis kesalahan tatatertib.
27. Tatacara dalam kes tatatertib bukan dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat.
28. Tatacara dalam kes tatatertib dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat.

*Tatacara Dalam Hal Jika Pegawai Tidak Hadir
Tanpa Cuti Dan Tidak Boleh Dikesan*

29. Pegawai tidak hadir tanpa cuti dan tidak boleh dikesan.
30. Akibat tidak hadir tanpa cuti selepas penyiaran dalam *Warta*.
31. Pelucuthakan emolumen kerana ketidakhadiran tanpa cuti.

*Tatacara Dalam Kes Jika Pegawai Dipertuduh Dalam
Mahkamah Jenayah Atau Dikenakan Perintah Tahanan,
Buang Negeri, Dsb.*

32. Tatacara jika prosiding jenayah dimulakan.
33. Tanggungjawab Ketua Jabatan jika pegawai telah disabitkan kerana kesalahan jenayah.

Peraturan

34. Tindakan tatatertib tidak boleh diambil sementara menunggu penyelesaian prosiding jenayah.
35. Akibat pembebasan.
36. Tatacara jika terdapat perintah tahanan, buang negeri, dsb.
37. Pertimbangan Pihak Berkuasa Tatatertib dalam kes sabitan dan tahanan.

BAHAGIAN V

HUKUMAN

38. Hukuman tatatertib.
39. Denda atau lucut hak emolumen.
40. Penangguhan pergerakan gaji.
41. Penurunan gaji.
42. Penurunan pangkat.
43. Butir-butir kesalahan dan hukuman hendaklah direkodkan.

BAHAGIAN VI

PENAHANAN KERJA DAN PENGGANTUNGAN KERJA

44. Penahanan kerja.
45. Penahanan kerja bagi maksud penyiasatan.
46. Penggantungan kerja.
47. Penerimaan emolumen yang tidak dibayar.
48. Meninggalkan negara semasa di bawah penahanan kerja atau penggantungan kerja.

BAHAGIAN VII

PENAMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

49. Penamatan demi kepentingan awam.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Peraturan

50. Surcaj.
51. Penyampaian notis, dokumen, dsb.
52. Tandatangan pada surat dan persuratan lain.

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) (NEGERI MELAKA)
2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertua Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Negeri Melaka) 2002.** Nama dan mula berkuat kuasa.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 Mei 2002.

2. (1) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi seseorang pegawai pada sepanjang tempoh perkhidmatannya dan, berkenaan dengan seseorang pegawai yang tidak memilih untuk memasuki Sistem Saraan Baru, hendaklah terpakai dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu dan sepatutnya dengan mengambil kira terma dan syarat perkhidmatannya. Pernakaaian.

(2) Pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini akan menyebabkan seseorang pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“disabitkan” atau “sabitan” termasuklah suatu dapatan atau suatu perintah yang melibatkan suatu dapatan bersalah oleh sesuatu mahkamah jenayah di Malaysia atau di luar Malaysia, atau oleh sesuatu badan berwajib yang diberikan kuasa untuk menjalankan penyiasatan terus di bawah mana-mana undang-undang bertulis, bahawa orang yang dipertuduh atau dituduh itu telah melakukan suatu kesalahan;

“emolumen” ertinya segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang pegawai dan termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan lain;

“gaji” ertinya gaji pokok seseorang pegawai;

“Ketua Jabatan” ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, institusi, agensi atau unit dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberikan kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi jabatan, institusi, agensi atau unit itu untuk bertindak bagi pihaknya;

“pegawai” ertinya seseorang anggota perkhidmatan awam Negeri Melaka;

“perkhidmatan awam” ertinya perkhidmatan awam Negeri Melaka;

“Pihak Berkuasa Tatatertib” ertinya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan termasuklah seseorang pegawai atau sesuatu lembaga pegawai dalam perkhidmatan awam yang boleh menjalankan fungsi Suruhanjaya berhubung dengan pengawalan tatatertib menurut Fasal (5A), (5B) atau (6A) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan.

BAHAGIAN II

KELAKUAN

Tatakelakuan.

4. (1) Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertua Negeri, Negeri dan Kerajaan Negeri.

(2) Seseorang pegawai tidak boleh—

- (a) membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan persendirianya;
- (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugas awamnya;
- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa—
 - (i) dia telah membiarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugas awamnya hingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai awam; atau
 - (ii) dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri;
- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- (e) kurang cekap atau kurang berusaha;
- (f) tidak jujur atau tidak amanah;
- (g) tidak bertanggungjawab;
- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan berhubung dengan perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan anggota-anggota lain perkhidmatan awam;

- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai ingkar perintah; dan
- (j) cuai dalam melaksanakan tugasnya.

5. (1) Melainkan jika dan setakat yang dia dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian dalam perjalanan tugasnya atau diberi kuasa dengan nyata oleh Ketua Jabatannya untuk berbuat demikian, seseorang pegawai tidak boleh—

- (a) mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan atau perjalanan apa-apa perusahaan komersial, pertanian atau perindustrian;
- (b) mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian;
- (c) sebagai seorang pakar, memberi apa-apa laporan atau keterangan pakar, sama ada dengan percuma atau dengan mendapat upah; atau
- (d) bertugas sebagai seorang wasi, pentadbir atau penerima.

(2) Walau apa pun peruntukan subperaturan (1), seseorang pegawai boleh memohon kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan untuk mengusahakan perkhidmatan tertentu daripada jenis yang disebut dalam subperaturan (1) bagi faedah dirinya atau saudara-maranya yang dekat atau bagi mana-mana badan yang tidak mencari keuntungan yang dia ialah seorang pemegang jawatan dalam badan itu.

(3) Dalam menimbangkan sama ada kebenaran di bawah subperaturan (2) patut diberi atau tidak, Ketua Jabatan hendaklah mengambil perhatian akan tatakelakuan yang ditetapkan dalam peraturan 4 dan, khususnya, hendaklah memastikan bahawa pekerjaan luar itu—

- (a) tidak dilakukan semasa waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas rasminya;
- (b) tidak akan dengan apa-apa cara cenderung menjejaskan kebergunaan pegawai itu sebagai seorang pekhidmat awam; dan
- (c) tidak akan dengan apa-apa cara cenderung bercanggah dengan kepentingan jabatan atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pekhidmat awam.

(4) Kecuali setakat yang ditetapkan selainnya, segala jumlah wang yang diterima oleh seseorang pegawai sebagai saraan kerana memberi mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibayar ke dalam Perbendaharaan Negeri sementara menunggu keputusan Perbendaharaan tentang amaun, jika ada, yang boleh disimpan oleh pegawai itu sendiri dan oleh anggota kakitangannya.

- Pakaian. 6. (1) Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri melalui arahan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.
- (2) Seseorang pegawai yang dikehendaki menghadiri suatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi upacara itu dan jika pakaian untuk upacara itu tidak ditentukan, dia hendaklah berpakaian dengan sepatutnya bagi upacara sedemikian.
- Dadah. 7. (1) Seseorang pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya, kecuali sebagaimana yang dipreskripsikan bagi maksud perubatan oleh seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], atau menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya.
- (2) Perkhidmatan seseorang pegawai yang telah diperakui oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan sebagai menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya berlanggaran dengan subperaturan (1) boleh ditamatkan demi kepentingan awam di bawah peraturan 49.
- (3) Bagi maksud peraturan ini, “dadah berbahaya” ertinya apa-apa dadah atau bahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*].
- Hadiah, dsb. 8. (1) Tertakluk kepada peruntukan peraturan ini, seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberi, dan dia tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain menerima atau memberikan bagi pihaknya, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa hadiah sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya daripada atau kepada mana-mana persatuan, badan, orang atau kumpulan orang jika—
- (a) penerimaan atau pemberian hadiah itu mempunyai kaitan, dengan apa-apa cara, dengan pelaksanaan tugas awam pegawai itu; dan
- (b) bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan.
- (2) Ketua Jabatan boleh membenarkan seseorang pegawai menerima surat pujian daripada mana-mana persatuan, badan, orang atau kumpulan orang sempena persaraan atau pertukaran pegawai itu dengan syarat bahawa surat pujian itu tidak terkandung dalam bekas yang bernilai.
- (3) Ketua Jabatan boleh membenarkan pungutan sumbangan secara spontan oleh pegawai-pegawai di bawahnya bagi maksud membuat sesuatu penyampaian kepada seseorang pegawai dalam jabatannya sempena persaraan, pertukaran atau perkahwinan pegawai itu atau perkahwinan anak pegawai itu atau sempena apa-apa peristiwa lain yang sesuai.

(4) Jika—

- (a) seseorang pegawai berasa ragu-ragu tentang sama ada bentuk, amaun atau nilai hadiah yang diterima olehnya adalah sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan; atau
- (b) hal keadaan menyebabkan sukar bagi seseorang pegawai untuk menolak sesuatu hadiah atau cenderamata yang bernilai, yang penerimaannya dilarang oleh peraturan ini,

maka hadiah itu boleh diterima secara rasmi tetapi pegawai itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan, mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Ketua Jabatan yang mengandungi perihalan lengkap dan anggaran nilai hadiah itu dan hal keadaan yang hadiah itu diterima.

(5) Apabila diterima laporan yang dibuat di bawah subperaturan (4), Ketua Jabatan hendaklah memutuskan sama ada—

- (a) untuk membenarkan pegawai itu menyimpan hadiah itu; atau
- (b) untuk mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan kepada pemberiannya melalui Ketua Jabatan.

(6) Bagi maksud peraturan ini, Ketua Jabatan ertinya Setiausaha Kerajaan Negeri atau ketua sesuatu jabatan, institusi, atau unit, mengikut mana-mana yang berkenaan.

9. Seseorang pegawai boleh memberi kepada atau menerima daripada mana-mana orang apa-apa jenis keraian jika— Keraian.

- (a) keraian itu tidak dalam apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas rasminya sebagai seorang pegawai awam bagi kepentingan orang itu; dan
- (b) pemberian atau penerimaan keraian itu tidak dalam apa-apa cara menjadi tidak selaras dengan tatakelakuan yang ditetapkan di bawah peraturan 4.

10. (1) Seseorang pegawai hendaklah, apabila dilantik ke dalam perkhidmatan awam atau pada bila-bila masa selepas itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri, mengisytiharkan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan melalui Ketua Jabatan segala harta yang dipunyai olehnya, isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya. Seseorang pegawai yang tidak mempunyai apa-apa harta hendaklah dengan demikian mengisytiharkan secara bertulis yang menyatakan sedemikian. Pemunyaan harta.

(2) Jika, selepas membuat suatu perisytiharan di bawah subperaturan (1), seseorang pegawai atau isteri atau suaminya atau anaknya memperoleh apa-apa harta, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau melupuskan apa-apa harta yang telah diperolehi olehnya atau oleh isteri atau suami atau anaknya, pegawai itu hendaklah

dengan segera mengisytiharkan pemerolehan atau pelupusan harta itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan melalui Ketua Jabatan.

(3) Jika seseorang pegawai atau isteri atau suami atau anaknya bercadang hendak memperoleh apa-apa harta, dan pemerolehan yang dicadangkan itu adalah tidak selaras dengan tatakelakuan yang ditetapkan dalam peraturan 4, pemerolehan itu tidaklah boleh dibuat tanpa pegawai itu terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan.

(4) Dalam memutuskan sama ada atau tidak hendak memberikan kebenaran di bawah subperaturan (3) Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

- (a) saiz, amaun atau nilai harta itu berbanding dengan emolumen pegawai itu dan apa-apa pendapatan persendirian yang sah;
- (b) sama ada pemerolehan atau pemegangan harta itu akan atau mungkin bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam, atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pekhidmat awam, atau dengan apa-apa cara menjadi tidak selaras dengan tatakelakuan yang ditetapkan di bawah peraturan 4;
- (c) pendapat Ketua Jabatan tentang pemerolehan atau pemunyaan harta itu;
- (d) apa-apa faktor lain yang dianggap perlu oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan bagi menjaga keutuhan dan kecekapan perkhidmatan awam.

(5) Jika Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berpuas hati dengan perisytiharan harta yang dibuat oleh pegawai itu, Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah mengarahkan Ketua Jabatan mencatatkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai itu bahawa perisytiharan itu telah dibuat.

(6) Dalam peraturan ini—

“anak” termasuklah anak angkat tetapi tidak termasuk anak yang bukan di bawah tanggungan pegawai itu;

“harta” termasuklah harta daripada apa-apa perihalan, sama ada harta alih atau harta tidak alih, yang ditetapkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.

11. (1) Jika Ketua Jabatan berpendapat bahawa seseorang pegawai adalah atau ternyata—

- (a) menyanggara suatu taraf kehidupan yang melebihi emolumennya dan pendapatan persendirian lain yang sah, jika ada; atau

Menyanggara taraf kehidupan yang melebihi emolumen dan pendapatan persendirian lain yang sah.

- (b) mempunyai kawalan atau memiliki sumber-sumber kewangan atau harta, harta alih atau tidak alih, yang nilainya tidak seimbang dengan, atau yang tidak boleh semunasabahnya dijangka telah diperoleh oleh pegawai itu dengan emolumennya dan apa-apa pendapatan persendirian yang lain yang sah,

Ketua Jabatan hendaklah, melalui notis bertulis, memanggil pegawai itu supaya memberikan penjelasan bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu tentang bagaimana dia boleh menyenggara taraf kehidupan sedemikian atau bagaimana dia telah mendapat sumber-sumber kewangan atau hartanya itu.

(2) Ketua Jabatan hendaklah, apabila diterima penjelasan di bawah subperaturan (1) atau, jika pegawai itu tidak memberikan apa-apa penjelasan dalam tempoh yang ditentukan, apabila tempoh itu tamat, melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berserta dengan penjelasan pegawai itu, jika ada. Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan boleh sesudah itu mengambil tindakan tatatertib atau apa-apa tindakan lain terhadap pegawai itu yang difikirkannya patut.

12. (1) Tiada pegawai boleh meminjam daripada mana-mana orang atau menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam, atau dengan apa-apa cara meletakkan dirinya di bawah suatu obligasi kewangan kepada mana-mana orang—

Meminjam wang.

- (a) yang secara langsung atau tidak langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) yang dengannya pegawai itu ada atau mungkin ada urusan rasmi;
- (c) yang tinggal atau memiliki tanah atau menjalankan perniagaan di dalam kawasan-kawasan tempatan yang dia mempunyai kuasa rasmi; atau
- (d) yang menjalankan perniagaan pemberian pinjaman wang.

(2) Seseorang pegawai boleh, bagaimanapun, meminjam wang daripada atau menjadi penjamin kepada mana-mana orang yang meminjam wang daripada bank, syarikat insurans, pertubuhan koperasi atau syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] atau menanggung hutang dengan cara pemerolehan barang-barang melalui perjanjian sewa beli dengan syarat bahawa—

- (a) bank, syarikat insurans, pertubuhan koperasi atau syarikat kewangan berlesen itu yang daripadanya pegawai itu meminjam tidaklah secara langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) peminjaman itu tidak akan membawa kepada skandal awam atau tidak boleh ditafsirkan bahawa pegawai itu telah menyalahgunakan kedudukan awamnya untuk faedah peribadinya; atau

- (c) agregat hutangnya tidak atau tidak mungkin menyebabkan pegawai itu berada dalam keterhutangan kewangan yang serius sebagaimana yang ditakrifkan di bawah peraturan 13.

(3) Tertakluk kepada peruntukan subperaturan (2), seseorang pegawai boleh menanggung hutang yang berikut:

- (a) jumlah wang yang dipinjam atas cagaran tanah yang digadaikan atau digadaikan, jika jumlah wang yang dipinjam itu tidak melebihi nilai tanah itu;
- (b) overdraf atau kemudahan kredit lain yang diluluskan oleh mana-mana institusi kewangan berlesen;
- (c) jumlah wang yang dipinjam daripada syarikat insurans atas cagaran polisi insurans;
- (d) jumlah wang yang dipinjam daripada Kerajaan Negeri atau pertubuhan koperasi; atau
- (e) jumlah wang yang kena dibayar atas barang-barang yang diperoleh melalui perjanjian sewa beli.

Keterhutangan
kewangan yang
serius.

13. (1) Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa-apa jua cara pun menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

(2) Tanpa menjejaskan peruntukan subperaturan (1), seseorang pegawai hendaklah disifatkan sebagai berada dalam keterhutangan kewangan yang serius jika—

- (a) agregat hutang dan nilai tanggungan tidak bercagarnya pada bila-bila masa tertentu melebihi enam kali emolumen bulanannya;
- (b) pegawai itu ialah seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman itu belum lagi dijelaskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh penghakiman itu; atau
- (c) pegawai itu ialah seorang bankrap atau seorang pemakan gaji tidak solven, mengikut mana-mana yang berkenaan, selagi apa-apa penghakiman terhadapnya yang memihak kepada Pegawai Pemegang Harta masih belum dijelaskan, atau selagi tidak ada pembatalan penghukuman kebankrapannya.

(3) Keterhutangan kewangan yang serius kerana apa-apa jua pun sebab, selain malang yang tidak dapat dielakkan yang tidak disebabkan dengan apa-apa cara oleh pegawai itu sendiri, hendaklah dianggap sebagai memburukkan nama perkhidmatan awam dan hendaklah menyebabkan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(4) Jika keterhutangan kewangan yang serius telah berlaku akibat malang yang tidak dapat dielakkan, Kerajaan Negeri boleh memberi pegawai itu apa-apa bantuan sebagaimana yang wajar mengikut hal keadaan.

(5) Jika seseorang pegawai mendapati bahawa hutangnya menyebabkan atau mungkin menyebabkan keterhutangan kewangan yang serius kepadanya, maka dia hendaklah serta-merta melaporkan hakikat ini kepada Ketua Jabatannya.

(6) Seseorang pegawai yang tidak melaporkan atau lengah melaporkan keterhutangan kewangannya yang serius atau yang melaporkan tetapi tidak mendedahkan takat keberhutangannya itu dengan sepenuhnya atau memberi keterangan yang palsu atau yang mengelirukan mengenai keterhutangannya melakukan suatu pelanggaran tatatertib walau apa pun yang mula-mula menyebabkan keterhutangan kewangan yang serius itu, dan boleh menyebabkan dirinya dikenakan tindakan tatatertib.

(7) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan peraturan ini, jika hutang seseorang pegawai terjumlah kepada suatu keterhutangan kewangan yang serius tetapi dia belum dihukum bankrap atau sebagai seorang pemakan gaji tidak solven, Ketua Jabatan hendaklah mengkaji semula kes itu dari semasa ke semasa.

(8) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, ungkapan “keterhutangan kewangan yang serius” ertinya keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang, mengambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius terhadap dirinya.

14. (1) Pendaftar Mahkamah Tinggi, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi dan Pendaftar Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret hendaklah, berkenaan dengan apa-apa prosiding dalam mahkamah masing-masing, melaporkan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan tiap-tiap kes mengenai seseorang pegawai awam—

Laporan mengenai keterhutangan kewangan yang serius.

- (a) yang, selaku seorang penghutang penghakiman, didapati daripada fail guaman itu telah tidak menjelaskan hutangnya dalam tempoh satu bulan dari tarikh penghakiman;
- (b) yang telah memfailkan petisyen kebangkrapannya sendiri atau untuk mendapatkan perintah pentadbiran pemakan gaji; atau
- (c) yang terhadapnya suatu petisyen pemiutang dalam kebangkrapan telah diserahkan.

(2) Pegawai Pemegang Harta hendaklah, sebaik sahaja dia telah menyiasat dengan secukupnya tentang hal ehwal seseorang pegawai awam yang ialah seorang bankrap atau pemakan gaji yang tidak solven, menyampaikan kepada Ketua Jabatan suatu laporan yang mengandungi perkara-perkara yang berikut:

- (a) Pernyataan Hal Ehwal yang difailkan oleh si bankrap atau pemakan gaji tidak solven itu mengikut undang-undang kebangkrapan yang sedang berkuat kuasa;

- (b) amaun ansuran yang diperintahkan atau yang dicadangkan dibuat;
- (c) sama ada atau tidak Pegawai Pemegang Harta bercadang untuk memulakan apa-apa prosiding selanjutnya dan, jika demikian, suatu pernyataan ringkas mengenai jenis prosiding selanjutnya itu;
- (d) sebab utama kebangkrapan itu;
- (e) sama ada pada pendapat Pegawai Pemegang Harta kes itu melibatkan suatu malang yang tidak dapat dielakkan, kelakuan hina atau apa-apa hal keadaan lain yang khas, yang memihak atau tidak memihak kepada pegawai itu; dan
- (f) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Pegawai Pemegang Harta, mengikut budi bicaranya, patut disebut.

(3) Ketua Jabatan hendaklah menghantar laporan yang diterima di bawah subperaturan (1) dan (2) kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berserta dengan laporannya mengenai kerja dan kelakuan pegawai itu sebelum dan sejak keterhutangan kewangannya yang serius. Setelah menimbang semua laporan itu Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah memutuskan sama ada hendak mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang berkenaan dan, jika demikian, apa tindakan yang hendak diambil.

(4) Jika tindakan tatatertib yang diambil di bawah subperaturan (3) mengakibatkan hukuman penangguhan pergerakan gaji, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan boleh, apabila habis tempoh penangguhan pergerakan gaji itu, memerintahkan supaya suatu amaun yang sama banyak dengan amaun yang diterima daripada pergerakan gaji yang dipulihkan itu ditambah kepada ansuran-ansuran yang kena dibayar kepada Pegawai Pemegang Harta atau kepada mana-mana pemiutang penghakiman.

(5) Seseorang pegawai yang telah mendapat pembatalan kebangkrapannya bolehlah dikira sebagai telah memulihkan kedudukan kewangannya dengan sepenuhnya.

Meminjamkan wang.

15. (1) Seseorang pegawai tidak boleh meminjamkan wang dengan bunga, sama ada dengan atau tanpa cagaran.

(2) Penyimpanan wang secara deposit tetap ke dalam mana-mana bank atau dalam suatu akaun dalam mana-mana bank atau dalam mana-mana syarikat kewangan berlesen atau dalam mana-mana sekuriti atau saham yang diterbitkan oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan atau oleh mana-mana badan berkanun tidak boleh dianggap sebagai peminjaman wang dengan bunga bagi maksud subperaturan (1).

Penglibatan dalam pasaran komoditi atau pasaran sekuriti hadapan.

16. Seseorang pegawai tidak boleh melibatkan dirinya sebagai pembeli atau penjual atau selainnya dalam pasaran komoditi atau pasaran sekuriti hadapan, sama ada pasaran tempatan atau luar negara.

17. Seseorang pegawai tidak boleh mengadakan, mengelolakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa cabutan bertuah atau loteri akan harta persendirian.

Cabutan
bertuah atau
loteri.

18. Seseorang pegawai tidak boleh menerbit atau menulis apa-apa buku, makalah atau karya lain yang berasaskan maklumat rasmi terperinci.

Penerbitan
buku, dsb.

19. (1) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau mengikut apa-apa cara lain—

Membuat
pernyataan
awam.

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam berhubungan dengan apa-apa dasar, program atau keputusan Kerajaan Negeri tentang apa-apa isu;
- (b) memberi apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubungan dengan jabatannya; atau
- (c) memberi apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa insiden atau laporan berhubungan dengan jabatannya,

dan dia juga tidak boleh menyebabkan apa-apa pernyataan, maklumat atau penjelasan, sama ada yang dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain, kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu, sama ada secara am atau khusus, daripada Ketua Jabatan yang bertanggungjawab bagi jabatan di mana dia sedang berkhidmat.

(2) Walau apa pun peruntukan subperaturan (1), seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, membuat apa-apa pernyataan awam yang memudaratkan mana-mana dasar, program atau keputusan Kerajaan Negeri atau yang boleh memalukan Kerajaan Negeri, atau membuat apa-apa ulasan mengenai kebaikan atau kelemahan mana-mana dasar, program atau keputusan Kerajaan Negeri, atau menyebarkan apa-apa pernyataan sedemikian, sama ada yang dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain.

(3) Subperaturan (2) tidaklah terpakai bagi apa-apa pernyataan awam yang dibuat atau yang disebarkan jika kandungan pernyataan itu telah diluluskan oleh Ketua Jabatan di bawah subperaturan (1).

(4) Bagi maksud peraturan ini, “pernyataan awam” termasuklah apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada akhbar atau orang ramai atau semasa memberikan apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran melalui bunyi atau penglihatan atau kedua-duanya.

20. Seseorang pegawai tidak boleh bertindak sebagai penyunting bagi, atau mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, atau dengan apa-apa cara membuat apa-apa sumbangan kewangan atau selainnya kepada, mana-mana penerbitan, termasuk mana-mana surat khabar, majalah atau jernal, kecuali penerbitan yang berikut:

Larangan
bertindak
sebagai
penyunting,
dsb. bagi surat
khabar, dsb.

- (a) penerbitan jabatan atau kakitangan;

(b) penerbitan profesional; dan

(c) penerbitan organisasi sukarela yang tidak bercorak politik.

Mengambil
bahagian
dalam politik.

21. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subperaturan (3), seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik, dan khususnya dia tidak boleh—

(a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;

(b) menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah, atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;

(c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam pilihan raya umum, pilihan raya kecil, atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;

(d) bertindak sebagai seorang ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;

(e) bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau

(f) memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

(2) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik setelah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Kerajaan Negeri.

(3) Walau apa pun peruntukan subperaturan (1), seseorang pegawai yang dibenarkan bercuti sehingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan cutinya yang telah terkumpul boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik dengan syarat bahawa—

(a) dia telah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Setiausaha Kerajaan Negeri; dan

(b) dengan penglibatan sedemikian dia tidak melanggar peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

(4) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan di bawah perenggan (3)(a) hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh pegawai itu dibenarkan bercuti sebelum persaraan.

(5) Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh menghalang seseorang pegawai daripada menjadi anggota biasa mana-mana parti politik.

(6) Seseorang pegawai yang telah diterima menjadi anggota biasa mana-mana parti politik hendaklah memberitahu hakikat ini kepada Ketua Jabatannya.

22. (1) Jika seseorang pegawai berkehendakkan bantuan guaman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan (3) dia tidak boleh memulakan prosiding undang-undang bagi kepentingan peribadinya berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas awamnya tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Setiausaha Kerajaan Negeri.

Memulakan prosiding undang-undang dan bantuan guaman.

(2) Seseorang pegawai yang menerima notis mengenai permulaan prosiding undang-undang atau permulaan prosiding undang-undang yang dicadangkan terhadapnya berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas awamnya atau yang menerima apa-apa proses mahkamah berhubung dengan prosiding undang-undang tersebut hendaklah dengan segera melaporkan perkara itu kepada Ketua Jabatan bagi mendapatkan arahan tentang sama ada dan bagaimana notis atau proses mahkamah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendak diakui terima, dijawab atau dibela.

(3) Seseorang pegawai yang berkehendakkan bantuan guaman untuk mengambil dan mengarah seseorang peguam bela dan peguam cara bagi maksud prosiding undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas awamnya boleh membuat permohonan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. Permohonan itu hendaklah mengandungi segala fakta dan hal keadaan kes itu berserta dengan pendapat Ketua Jabatan yang telah dipertimbangkan tentang jenis penglibatan pegawai itu dan hendaklah dialamatkan dan dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri melalui Penasihat Undang-Undang Negeri.

(4) Apabila diterima permohonan itu, Setiausaha Kerajaan Negeri boleh melulus atau menolak permohonan tersebut, tertakluk kepada nasihat Penasihat Undang-Undang Negeri tentang—

- (a) amaun bantuan guaman yang hendak diluluskan;
- (b) peguam bela dan peguam cara yang hendak diambil dan diarahkan oleh pegawai itu; atau
- (c) apa-apa syarat lain yang difikirkan baik oleh Penasihat Undang-Undang Negeri,

dan kepada syarat tersirat selanjutnya bahawa, sekiranya pegawai itu diawardkan kos oleh mahkamah apabila selesai prosiding undang-undang itu, tiada bayaran berkenaan dengan bantuan guaman yang diluluskan demikian akan dibuat oleh Kerajaan Negeri melainkan jika amaun kos yang diawardkan demikian kepadanya itu tidak mencukupi untuk membayar caj-caj mengambil dan mengarah seseorang peguam bela dan peguam cara.

(5) Caj untuk mengambil khidmat seseorang peguam bela dan peguam cara yang diambil dan diarah oleh atau bagi pihak seseorang pegawai dalam prosiding undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas awamnya selain menurut kuasa kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri tidak akan dibayar oleh Kerajaan Negeri.

Ketidakhadiran.

23. (1) Ketidakhadiran untuk bertugas tanpa cuti atau terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan seseorang pegawai dikenakan tindakan tatatertib.

(2) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas, Ketua Jabatan hendaklah, dengan seberapa segera, melaporkan hakikat itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat lain selanjutnya yang mungkin dikehendaki berkenaan dengan pegawai itu.

(3) Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan boleh, setelah menimbang laporan dalam subperaturan (2), mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai itu mengikut peraturan 27 atau 28.

(4) Bagi maksud peraturan ini, "ketidakhadiran" termasuklah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada satu-satu masa dan di tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

BAHAGIAN III

TUGAS KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB

Tugas kawalan dan pengawasan tatatertib.

24. (1) Adalah menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dalam tiap-tiap hal pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melakukan pelanggaran tatatertib, hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan boleh menyebabkan dia dikenakan tindakan tatatertib.

BAHAGIAN IV

TATACARA TATATERTIB

Tatacara Am

Syarat-syarat bagi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

25. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), tiada pegawai boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat dalam apa-apa prosiding tatatertib di bawah Bahagian ini melainkan jika dia telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan yang berdasarkannya tindakan itu dicadangkan diambil terhadapnya dan dia telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

(2) Subperaturan (1) tidaklah terpakai dalam hal-hal yang berikut:

- (a) jika seseorang pegawai dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
- (b) jika Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berpuas hati bahawa kerana sesuatu sebab, yang hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, adalah tidak semunasabahnya praktik untuk menjalankan kehendak-kehendak peraturan ini;
- (c) jika Yang di-Pertua Negeri berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak-kehendak peraturan ini; atau
- (d) jika apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi telah dibuat terhadap pegawai itu, atau jika apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya telah dikenakan ke atas pegawai itu, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis.

26. (1) Jika terdapat suatu kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh seseorang pegawai, Pengerusi Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan—

Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menentukan jenis pelanggaran tatatertib.

- (a) dalam hal jika terdapat lebih daripada satu peringkat Pihak Berkuasa Tatatertib, Pihak Berkuasa Tatatertib yang mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat; atau
- (b) dalam hal jika terdapat hanya satu peringkat Pihak Berkuasa Tatatertib, Pihak Berkuasa Tatatertib itu,

hendaklah, sebelum memulakan apa-apa prosiding tatatertib berkenaan dengan pegawai itu, menimbangkan sama ada pelanggaran tatatertib yang diadukan adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat atau suatu hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat.

(2) Jika Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan (dalam hal jika terdapat lebih daripada satu peringkat Pihak Berkuasa Tatatertib) mendapati bahawa pelanggaran tatatertib yang diadukan adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, Pengerusi Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah merujuk kes itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.

Tatacara dalam kes tatatertib bukan dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat.

27. (1) Jika Pengerusi Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan mendapati bahawa pelanggaran tatatertib yang diadukan adalah daripada jenis yang patut dikenakan suatu hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah memberi pegawai itu secara bertulis tentang fakta-fakta pelanggaran tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya dan hendaklah memberi pegawai itu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan fakta itu.

(2) Jika, setelah menimbangkan representasi pegawai itu yang dibuat di bawah subperaturan (1), Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan mendapati—

- (a) pegawai itu bersalah, Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas pegawai itu mana-mana satu atau lebih hukuman yang dinyatakan dalam peraturan 38 yang difikirkannya sesuai dan patut; atau
- (b) pegawai itu tidak bersalah, Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

Tatacara dalam kes-kes tatatertib dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat.

28. (1) Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan yang bersidang untuk menimbangkan suatu kes yang pelanggaran tatatertib yang diadukan adalah didapati daripada jenis yang patut dikenakan suatu hukuman buang kerja atau turun pangkat hendaklah menimbangkan segala maklumat yang ada dan jika didapati bahawa terdapat suatu kes *prima facie* terhadap pegawai itu untuk dibuang kerja atau diturunkan pangkat, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah mengarahkan supaya suatu pernyataan yang mengandungi fakta-fakta pelanggaran tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh pegawai itu dan apa-apa alasan yang dicadangkan yang berdasarkannya pegawai itu hendak dibuang kerja atau diturunkan pangkat dihantarkan kepada pegawai itu dan pegawai itu hendaklah diminta membuat suatu representasi bertulis, yang mengandungi alasan-alasan yang berdasarkannya pegawai itu bergantung untuk membebaskan dirinya, dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan pertuduhan itu.

(2) Jika, setelah menimbangkan representasi yang dibuat menurut subperaturan (1), Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa pelanggaran tatatertib atau salah laku yang dilakukan oleh pegawai itu tidak patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan bolehlah mengenakan ke atas pegawai itu apa-apa hukuman yang lebih ringan yang difikirkannya sesuai dan patut.

(3) Jika pegawai itu tidak membuat apa-apa representasi dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (1), atau jika pegawai itu membuat representasi yang tidak dapat membebaskan dirinya sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan, Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah terus menimbangkan dan membuat keputusan tentang pembuangan kerja atau penurunan pangkat pegawai itu.

(4) Jika Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa kes terhadap pegawai itu menghendaki penjelasan lanjut, Pihak Berkuasa Tatatertib itu boleh melantik Jawatankuasa Penyiasatan yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang pegawai kerajaan yang lebih kanan daripada pegawai yang di bawah penyiasatan.

(5) Ketua Jabatan pegawai yang di bawah penyiasatan tidak boleh menjadi anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah subperaturan (4).

(6) Jawatankuasa Penyiasatan yang dilantik di bawah subperaturan (4)—

- (a) hendaklah memberitahu pegawai itu tarikh yang persoalan mengenai pembuangan kerja atau penurunan pangkatnya akan dibawa ke hadapan Jawatankuasa Penyiasatan dan, jika Jawatankuasa itu berpendapat bahawa pegawai itu boleh dibenarkan hadir, bahawa dia hendaklah menghadirkan diri di hadapan Jawatankuasa itu untuk membebaskan dirinya; dan
- (b) boleh memanggil dan memeriksa saksi-saksi atau mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu atau patut untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai kes itu.

(7) Jika saksi-saksi dipanggil dan diperiksa oleh Jawatankuasa Penyiasatan, pegawai itu hendaklah diberi peluang untuk hadir dan untuk menyoal saksi-saksi itu bagi pihak dirinya sendiri dan tiada keterangan dokumentar boleh digunakan terhadapnya melainkan jika pegawai itu telah sebelum itu dibekali dengan satu salinan keterangan dokumentar itu atau telah diberi akses kepada keterangan itu.

(8) Jawatankuasa Penyiasatan itu boleh membenarkan Kerajaan Negeri atau pegawai itu diwakili oleh seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam atau, dalam kes yang luar biasa, oleh seorang peguam bela dan peguam cara dan, tertakluk kepada apa-apa penangguhan yang munasabah dan perlu untuk membolehkan pegawai itu sendiri membentangkan kesnya, Jawatankuasa Penyiasatan boleh menarik balik kebenaran itu pada bila-bila masa:

Dengan syarat bahawa jika Jawatankuasa Penyiasatan itu membenarkan Kerajaan Negeri diwakili, Jawatankuasa itu hendaklah juga membenarkan pegawai itu diwakili dengan cara yang sama.

(9) Jika, semasa menjalankan penyiasatan itu, alasan-alasan lanjut bagi pembuangan kerja pegawai itu telah didedahkan, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan mengenai alasan-alasan lanjut itu; dan jika Pihak Berkuasa Tatatertib itu berfikir patut diteruskan tindakan terhadap pegawai itu berdasarkan alasan-alasan lanjut itu, pegawai itu hendaklah diberi suatu pernyataan bertulis mengenai alasan-alasan itu, dan tatacara yang dinyatakan dalam subperaturan (1), (2) dan (3) hendaklah diikuti.

(10) Jika seseorang pegawai yang dikehendaki hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan tidak hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan, dan jika tiada alasan yang mencukupi diberikan bagi suatu penangguhan, Jawatankuasa Penyiasatan itu boleh terus menimbang dan membuat keputusan tentang aduan itu atau boleh menangguhkan prosiding itu ke suatu tarikh yang lain.

(11) Setelah tamat penyiasatannya, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah mengemukakan suatu laporan tentang penyiasatan itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan. Jika Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa laporan yang dikemukakan kepadanya tidak jelas tentang apa-apa perkara tertentu atau bahawa penyiasatan lanjut adalah perlu, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan boleh merujuk perkara itu semula kepada Jawatankuasa Penyiasatan untuk menjalankan penyiasatan lanjut dan membuat laporan lanjut.

(12) Jika, setelah menimbang representasi pegawai di bawah subperaturan (1) dan, jika Jawatankuasa Penyiasatan dilantik, setelah menimbang laporan Jawatankuasa itu, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan mendapati—

- (a) bahawa pegawai itu bersalah kerana salah laku dan patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah dengan serta-merta mengenakan hukuman yang sesuai;
- (b) bahawa pegawai itu bersalah kerana salah laku tetapi salah laku itu tidak patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat tetapi patut dikenakan hukuman yang lebih ringan, Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas pegawai itu mana-mana hukuman yang lebih ringan yang difikirkannya sesuai dan patut; atau
- (c) bahawa pegawai itu tidak bersalah, Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

*Tatacara Dalam Kes Jika Pegawai Tidak Hadir
Tanpa Cuti Dan Tidak Boleh Dikesan*

Pegawai tidak hadir tanpa cuti dan tidak dapat dikesan.

29. (1) Walau apa pun peruntukan peraturan 51, jika seseorang pegawai tidak hadir tanpa cuti selama tujuh hari bekerja berturut-turut dan tidak dapat dikesan, Ketua Jabatan hendaklah menyebabkan suatu surat dihantar kepada pegawai itu melalui Pos Berdaftar Akuan Terima ke alamatnya yang akhir diketahui sebagaimana yang diberikan kepada Ketua Jabatan di bawah peraturan 51, mengarahkan pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas dengan serta-merta.

(2) Jika, selepas surat itu diserahkan—

- (a) pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas; atau
- (b) pegawai itu tidak melaporkan diri untuk bertugas atau tiada khabar didengar daripadanya,

Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan dan Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah memulakan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu mengikut peraturan-peraturan ini.

(3) Jika surat Pos Berdaftar Akuan Terima dikembalikan tidak terserah, Ketua Jabatan itu hendaklah melaporkan perkara itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang mempunyai kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat dan Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah mengambil langkah untuk memberitahu dalam *Warta* bahawa pegawai itu tidak hadir tanpa cuti dan tidak dapat dikesan.

(4) Bagi maksud peraturan ini, jika surat Pos Berdaftar Akuan Terima itu diterima oleh seseorang selain pegawai yang dimaksudkan, surat itu hendaklah disifatkan tidak diserahkan.

30. (1) Jika pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pemberitahuan disiarkan dalam *Warta*, Ketua Jabatan hendaklah melaporkan perkara itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan dan Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah memulakan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu mengikut Peraturan-Peraturan ini.

Akibat tidak hadir tanpa cuti selepas pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Jika pegawai itu tidak melaporkan diri untuk bertugas dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pemberitahuan disiarkan dalam *Warta*, pegawai itu hendaklah disifatkan telah dibuang kerja daripada perkhidmatan mulai dari tarikh dia tidak hadir bertugas tanpa cuti.

31. (1) Jika seseorang pegawai didapati bersalah kerana tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah, segala emolumen bagi apa-apa tempoh yang dia tidak hadir hendaklah dilucuthakkan walaupun Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan tidak mengarahkan pelucuthakan itu.

Pelucuthakan emolumen kerana ketidakhadiran tanpa cuti.

(2) Seseorang pegawai yang emolumennya telah terlucut hak di bawah peraturan ini hendaklah diberitahu secara bertulis mengenai pelucuthakan itu.

(3) Bagi maksud peraturan ini, pelucuthakan emolumen bukanlah suatu hukuman tatatertib mengikut pengertian peraturan 38.

*Tatacara Dalam Kes Jika Pegawai Dipertuduh
Dalam Mahkamah Jenayah Atau Dikenakan
Perintah Tahanan, Buang Negeri, Dsb.*

32. (1) Seseorang pegawai hendaklah dengan segera memaklumkan Ketua Jabatannya jika apa-apa prosiding jenayah dimulakan terhadapnya dalam mana-mana mahkamah.

Tatacara jika prosiding jenayah dimulakan.

(2) Jika prosiding jenayah dimulakan terhadap seseorang pegawai, Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah yang dalamnya prosiding itu dimulakan hendaklah menghantar kepada Ketua Jabatan yang di bawahnya pegawai itu sedang berkhidmat—

(a) pada permulaan prosiding itu, suatu laporan yang mengandungi maklumat-maklumat yang berikut:

- (i) pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan terhadap pegawai itu;
- (ii) jika pegawai itu ditangkap, tarikh dan waktu penangkapannya;
- (iii) sama ada atau tidak pegawai itu diikat jamin; dan
- (iv) apa-apa maklumat lain yang berkaitan; dan

(b) pada akhir prosiding itu, keputusan mahkamah itu dan apa-apa maklumat berhubung dengan rayuan, jika ada, yang telah difailkan oleh mana-mana pihak.

(4) It shall be lawful for the appropriate Disciplinary Authority to recommend to the State Government that the service of an officer be terminated in the public interest notwithstanding that disciplinary proceedings have not been carried out under any of the provisions of these Regulations; and the State Government may so terminate the service of such officer.

(5) Notwithstanding anything in these Regulations and any other law to the contrary, in terminating the service of any officer in the public interest under this regulation, such officer may not be given any opportunity of being heard and an officer whose service has been terminated in the public interest under this regulation shall not for the purpose of Article 135(2) of the Federal Constitution, be regarded as having been dismissed, regardless of whether such termination of the service of the officer involved an element of punishment or was in connection with conduct in relation to his office which the State Government regards as unsatisfactory or blameworthy.”.

12. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 50 of the following regulations. New regulation
50A.

“Particulars of the offence and punishment to be recorded. 50A. Every disciplinary action taken against an officer which results in a punishment being imposed upon the officer under these Regulations shall be recorded in the officer’s records of service by stating the particulars of the offence committed and the punishment imposed.”.

13. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 51 of the following regulation: Substitution of
regulation 51.

“Service of notice, document, etc. 51. (1) Every officer shall furnish to his Head of Department the address of his residence or any change of that address and that address shall be his address for the purpose of serving on him any notice or document required to be served under these Regulations or for the purpose of communicating with him on any matter in relation to these Regulations.

(2) Any notice, document or communication left at or posted to or sent by any other reasonable means to the address for service furnished under subregulation (1) shall be deemed to have been duly served on or communicated to the officer.”.

Made 16 September 2003

[JKMM(S)111/1/17-13 Jld.2(10);PUN(M)353/22/14]

By Command,

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
Chief Minister,
Malacca

Hakcipta Pencetak ®

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 11

26hb Mei 2005

*TAMBAHAN No. 13
PERUNDANGAN*

M. P.U. 19.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELAKA 2005

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Lembaga Tatatertib.
4. Fungsi Lembaga Tatatertib.
5. Kuasa buang kerja dan turun pangkat pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
6. Mesyuarat Lembaga Tatatertib.
7. Pengundian.
8. Rekod mesyuarat Lembaga Tatatertib.
9. Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan tatacara yang ditetapkan.

Peraturan

10. Peluang untuk didengar.
11. Lembaga Tatatertib boleh menghendaki suatu penyasatan.
12. Lembaga Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan A.
13. Lembaga Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan B, C dan D.
14. Lembaga Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan D dalam hal pembuangan kerja dan penurunan pangkat.
15. Rayuan.
16. Tatacara rayuan.
17. Pendengaran rayuan.
18. Kaedah-Kaedah tatacara Lembaga Rayuan Tatatertib.
19. Pemansuhan.
20. Peruntukan kecualian dan peralihan.
21. Keputusan hendaklah diberitahukan kepada pegawai secara bertulis.

JADUAL

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELAKA 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (5B) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka 2005**. Nama dan mula berkuat kuasa.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2005.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Kumpulan A” ertinya—

- (a) Kumpulan Gaji A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976; dan
- (b) Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di bawah Sistem Saraan Baru;

“Kumpulan B” ertinya—

- (a) Kumpulan Gaji B di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976; dan
- (b) Kumpulan Sokongan 1 daripada gred-gred yang berikut dan setaraf dengannya di bawah Sistem Saraan Baru:
A4, A5, B4, B5, C4, C5, E4, E5, F4, F5, F10, F11, G4, G5, G6, J4, J5, KB6, KB7, KP4, KP5, KX6, KX7, N4, N5, N6, Q5, Q6, S4, S4-1, S5, S5-3, U4, U5, U6, U7, U7-1, U8, W4, W5, W6 dan W6-3;

“Kumpulan C” ertinya—

- (a) Kumpulan Gaji C di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976; dan
- (b) Kumpulan Sokongan 1 daripada gred-gred yang berikut dan setaraf dengannya di bawah Sistem Saraan Baru:
A6, A7, A7-3, B6, B7, C6, C7, E6, E7, F6, G7, G8, J6, J6-1, J7, J7-3, KB8, KB9, KB10, KP6, KP7, KP8, KX8, KX9, KX10, N7, N7-1, N8, N8-3, N9, N9-2, N9-3, Q7, Q8, Q8-2, S6, S7, S7-3, U8, UB1, UB1-18, U9, U10, U11, U12, W7, W8 dan W8-3;

“Kumpulan D” ertinya—

- (a) Kumpulan Gaji D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976; dan

- (b) Kumpulan Sokongan 2 daripada gred-gred yang berikut dan setaraf dengannya di bawah Sistem Saraan Baru:

A8, A9, A10, A11, A12, B8, B9, C8, C9, E9, F8, F9, G9, G10, G11, G11-8, J8, J9, KB11, KB12, KB13, KP9, KP10, KP10-3, KX11, KX12, N10, N11, N11-1, N11-2, N11-3, N11-4, N11-9, N12, N12-1, N12-2, N13, Q10, R1, R2, R3, R4, R4-1, R5, R6, R6-1, R6-4, R7, R7-1, R8, R8-2, R9, R9-6, R10, R10-3, R10-5, R10-6, R10-7, R10-9, R10-17, R11, R11-1, R11-4, R11-6, R11-7, S8, S9, S10, U13, U14, U15, U16, dan W10;

“Sistem Saraan Baru” ertinya Sistem Saraan Baru sebagaimana yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.

Penubuhan
Lembaga
Tatatertib.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan bagi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka Lembaga-Lembaga Tatatertib yang berikut (yang setiap satu hendaklah kemudian daripada ini disebut “Lembaga Tatatertib”):

- (a) Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan A);
- (b) Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan B dan C); dan
- (c) Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan D).

(2) Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan dua orang anggota lain.

Fungsi Lembaga
Tatatertib.

4. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3), (4) dan (5), Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai bidang kuasa dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib semua orang yang menjadi anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka yang disebut dalam perenggan (g) fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan A) hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai dalam Kumpulan A.

(3) Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan B dan C) hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai dalam Kumpulan B dan C.

(4) Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan D) hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai dalam Kumpulan D.

(5) Tiada Lembaga Tatatertib, kecuali Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan D), boleh menjalankan kuasa tatatertib untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat.

5. (1) Kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Kuasa buang kerja dan turun pangkat pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah subperaturan (1), mengenakan apa-apa hukuman selain turun pangkat atau buang kerja jika difikirkan sesuai untuk berbuat demikian.

6. Bagi maksud menjalankan fungsinya, Lembaga Tatatertib hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh dan di tempat dan pada masa yang ditentukan oleh Pengerusi.

Mesyuarat Lembaga Tatatertib.

7. Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi dan sekiranya bilangan undi itu sama banyak maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Pengundian.

8. Pengerusi hendaklah menyebabkan disimpan rekod segala mesyuarat Lembaga Tatatertib.

Rekod mesyuarat Lembaga Tatatertib.

9. Pada menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini, Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip-prinsip dan prosedur-prosedur yang ditetapkan dalam Perintah-Perintah Am atau arahan mana-mana perintah atau arahan perkhidmatan lain yang pada masa ini dikeluarkan dengan sahnyanya dan berkuat kuasa.

Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan tatacara yang ditetapkan.

10. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), tiada perintah untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seseorang pegawai boleh dibuat oleh Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan D) dalam apa-apa prosiding tatatertib melainkan jika pegawai itu telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan yang berdasarkan tindakan itu dicadangkan diambil terhadapnya dan telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

Peluang untuk didengar.

(2) Subperaturan (1) tidaklah terpakai dalam hal-hal yang berikut:

- (a) jika seseorang pegawai dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
- (b) jika Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa kerana sesuatu sebab, yang hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, adalah tidak semunasabahnya praktik untuk menjalankan kehendak-kehendak peraturan ini;

- (c) jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak-kehendak peraturan ini; atau
- (d) jika apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhadap, buang negeri atau deportasi telah dibuat terhadap pegawai itu, atau jika apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainya telah dikenakan ke atas pegawai itu, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhadap, buang negeri, imigresen atau perlindungan wanita dan gadis.

Lembaga
Tatatertib boleh
menghendaki
suatu penyiasatan.

11. Sebelum membuat sesuatu keputusan berkenaan apa-apa perkara yang mengenainya Lembaga Tatatertib dikehendaki memutuskan sedemikian, Lembaga Tatatertib boleh, jika difikirkannya perlu untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya, menghendaki suatu penyiasatan dijalankan oleh seseorang pegawai atau suatu badan pegawai bagi maksud mendapatkan suatu penjelasan dan syor berkenaan dengan perkara itu.

Lembaga Rayuan
Tatatertib bagi
Kumpulan A.

12. (1) Maka hendaklah ditubuhkan Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan A) (kemudian daripada ini disebut “Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan A”) yang terdiri daripada anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang pada masa ini dilantik di bawah Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan A. Jika Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak dapat, atas apa-apa sebab, mempengerusikan Lembaga Rayuan Tatatertib, tempatnya hendaklah diambil oleh Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau oleh mana-mana anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang lain yang dilantik secara khusus bagi maksud itu oleh Pengerusi.

(3) Fungsi Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan A adalah untuk menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut Peraturan-Peraturan ini mengenai apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka Kumpulan A.

Lembaga Rayuan
Tatatertib bagi
Kumpulan B, C
dan D.

13. (1) Maka hendaklah ditubuhkan Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan B, C dan D) (kemudian daripada ini disebut “Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan B, C dan D”) yang terdiri daripada anggota-anggota yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Fungsi Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan B, C dan D adalah, tertakluk kepada subperaturan 15(2), untuk menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut

peruntukan Peraturan-Peraturan ini mengenai apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka Kumpulan B dan C dan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan D).

14. (1) Maka hendaklah ditubuhkan Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan D) (Pembuangan Kerja dan Penurunan Pangkat) (kemudian daripada ini disebut “Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan D (Pembuangan Kerja dan Penurunan Pangkat)”) yang terdiri daripada anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang pada masa ini dilantik di bawah Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.

Lembaga Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan D dalam hal pembuangan kerja dan penurunan pangkat.

(2) Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan D (Pembuangan Kerja dan Penurunan Pangkat). Jika Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak dapat, atas apa-apa sebab, mempengerusikan Lembaga Rayuan Tatatertib, tempatnya hendaklah diambil oleh Timbalan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau oleh mana-mana anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang lain yang dilantik secara khusus bagi maksud itu oleh Pengerusi.

(3) Fungsi Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan D (Pembuangan Kerja dan Penurunan Pangkat) adalah untuk menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengenai pembuangan kerja atau penurunan pangkat yang dibuat mengikut Peraturan-Peraturan ini.

15. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), seseorang pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subperaturan 3(1) boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 12 atau 13, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Rayuan.

(2) Seseorang pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan D) mengenai pembuangan kerja atau penurunan pangkat boleh merayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Kumpulan D (Pembuangan Kerja dan Penurunan Pangkat) yang ditubuhkan di bawah peraturan 14.

16. (1) Suatu rayuan hendaklah dibuat secara bertulis oleh seseorang pegawai yang disebut dalam peraturan 15 (kemudian daripada ini disebut “perayu”) kepada Lembaga Rayuan Tatatertib melalui Ketua Jabatannya dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan Lembaga Tatatertib itu diberitahu kepadanya secara bertulis.

Tatacara rayuan.

(2) Ketua Jabatan hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan itu daripada perayu, mengemukakan rayuan itu kepada Lembaga Tatatertib berserta dengan ulasannya.

(3) Apabila menerima rayuan itu di bawah subperaturan (2) Pengerusi Lembaga Tatatertib atau, jika dia tiada, anggota yang diwakilkannya untuk berbuat demikian hendaklah menyebabkan suatu salinan rekod prosiding Lembaga Tatatertib itu disediakan, termasuklah alasan yang Lembaga Tatatertib bergantung padanya dalam mencapai keputusannya.

(4) Rekod prosiding yang disediakan di bawah subperaturan (3) berserta dengan alasan keputusan dan rayuan perayu hendaklah dihantar kepada Lembaga Rayuan Tatatertib tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan itu oleh Lembaga Tatatertib itu.

Pendengaran
rayuan.

17. (1) Apabila diterima dokumen itu, Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib hendaklah mengadakan suatu mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib untuk menimbangkan rayuan itu.

(2) Lembaga Rayuan Tatatertib hendaklah memutuskan sesuatu rayuan semata-mata atas merit alasan rayuan itu tanpa menerima apa-apa pernyataan atau keterangan lanjut.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Lembaga Rayuan Tatatertib boleh, menurut budi bicaranya semata-mata dan tertakluk kepada hak perayu untuk didengar, meminta apa-apa pernyataan atau keterangan daripada mana-mana orang jika pada pendapatnya adalah patut dan adil untuk berbuat demikian.

(4) Setelah menimbangkan rayuan itu, Lembaga Rayuan Tatatertib boleh—

- (a) menghantar balik kes itu kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula;
- (b) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib;
- (c) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salah laku perayu itu, tetapi mengubah hukuman itu kepada hukuman yang lebih ringan; atau
- (d) mengakaskan keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan membebaskan perayu.

(5) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib adalah muktamad.

Kaedah-Kaedah
tatacara
Lembaga Rayuan
Tatatertib.

18. (1) Kaedah-Kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi maksud mengawal selia tatacaranya yang pada masa ini berkuat kuasa hendaklah terpakai bagi Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 12 dan 14 dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu seolah-olah Kaedah-Kaedah itu menjadi sebahagian daripada Peraturan-Peraturan ini.

(2) Peruntukan Peraturan-Peraturan ini berhubung dengan mesyuarat, pengundian dan minit berkenaan dengan Lembaga Tatatertib hendaklah terpakai bagi Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 13 dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu dan sebutan mengenai Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dan sebutan mengenai anggota Lembaga Tatatertib hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai anggota Lembaga Rayuan Tatatertib.

19. Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka 1975 [*M.P.A. 311/1975*] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka 2002 [*M.P.U. 9 tahun 2002*] adalah dimansuhkan.

Pemansuhan.

20. (1) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa prosiding yang telah dimulakan oleh Lembaga Tatatertib atau Lembaga Rayuan Tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan yang dimusnahkan oleh peraturan 19 dan segala perbuatan dan prosiding itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan atau dimulakan oleh Lembaga Tatatertib atau Lembaga Rayuan Tatatertib seolah-olah Peraturan-Peraturan ini telah berkuat kuasa [*Akta 393*].

Peruntukan
kecualian dan
peralihan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-peraturan ini boleh disifatkan sebagai menyentuh atau mengambil apa-apa kuasa, keistimewaan atau perlindungan yang diberikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau mana-mana anggotanya di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 [*Akta 393*].

(3) Apa-apa prosiding tatatertib berkenaan dengan seseorang pegawai yang dimulakan oleh Lembaga Tatatertib atau Lembaga Rayuan Tatatertib sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini di bawah Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan oleh peraturan 19 boleh dibereskan oleh Lembaga Tatatertib atau Lembaga Rayuan Tatatertib itu walaupun pegawai itu telah dikelaskan semula di bawah peraturan atau pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa pada masa ini.

(4) Apa-apa rayuan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib itu menurut subperaturan (2), jika tidak dibuat sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, hendaklah dibuat kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

21. Segala keputusan Lembaga Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib berkenaan dengan seseorang pegawai hendaklah diberitahukan kepada pegawai itu secara bertulis.

Keputusan
hendaklah
diberitahukan
kepada pegawai
secara bertulis.

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 3)

KEANGGOTAAN LEMBAGA TATATERTIB
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELAKA

1. Tertakluk kepada perenggan 2, anggota-anggota Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka adalah seperti yang berikut:

(a) *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan A):*

Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi dan Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri.

(b) *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan B dan C):*

Ketua Jabatan sebagai Pengerusi dan dua orang pegawai Kumpulan A daripada Jabatan yang berkaitan atau, jika pegawai itu tidak ada, mana-mana pegawai Kumpulan A daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan yang dinamakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri:

Dengan syarat bahawa jika Ketua Jabatan ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, maka Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri yang dinamakan oleh Setiausaha Kerajaan hendaklah menjadi Pengerusi.

(c) *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (Kumpulan D):*

Ketua Jabatan sebagai Pengerusi dan dua orang pegawai daripada Jabatan yang berkaitan yang tidak rendah daripada pegawai Kumpulan Sokongan 1 (Kumpulan B) atau, jika pegawai itu tidak ada, mana-mana pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan A) daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan yang dinamakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri:

Dengan syarat bahawa jika Ketua Jabatan ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, maka Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri yang dinamakan oleh Setiausaha Kerajaan hendaklah menjadi Pengerusi.

2. Setiausaha Kerajaan Negeri boleh, atas sebab-sebab yang hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, menamakan mana-mana pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripada pangkat pegawai yang dipertuduh, untuk menggantikan mana-mana anggota Lembaga dalam mana-mana mesyuaratnya.

JADUAL KEDUA

(Peraturan 13)

KEANGGOTAAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI MELAKA KUMPULAN B, C DAN D

Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Melaka Kumpulan Sokongan 1 dan 2 (Kumpulan B, C dan D) hendaklah terdiri daripada—

(a) Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi;

(b) Penasihat Undang-Undang Negeri; dan

(c) seorang pegawai daripada Kumpulan A yang berpangkat lebih tinggi daripada perayu yang dinamakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Bertarikh 11 Mei 2005

[JKMM.S 111/1/17-3; PUN(M)353/22/14]

Dengan perintah,

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
Ketua Menteri
Melaka

FEDERAL CONSTITUTION

STATE OF MALACCA PUBLIC SERVICE DISCIPLINARY BOARD REGULATIONS 2005

CONTENTS

Regulation

1. Citation and commencement.
2. Interpretation.
3. Establishment of Disciplinary Boards.
4. Functions of the Disciplinary Board.
5. Power of dismissal and reduction in rank of officers in the Top Management Group and Managerial and Professional Group.
6. Meeting of the Disciplinary Board.
7. Voting.
8. Records of meeting of the Disciplinary Board.
9. Disciplinary Board to abide by principles and procedure laid down.
10. Opportunity of being heard.
11. Disciplinary Board may require an investigation.
12. Disciplinary Appeal Board for Group A.
13. Disciplinary Appeal Board for Groups B, C and D.
14. Disciplinary Appeal Board for Group D in cases of dismissal and reduction in rank.
15. Appeal.
16. Procedure of appeal.
17. Hearing of Appeal.
18. Rules of procedure of Disciplinary Appeal Board.
19. Repeal.
20. Saving and transitional provisions.
21. Decision to be communicated to officer in writing.

SCHEDULES

FEDERAL CONSTITUTION

STATE OF MALACCA PUBLIC SERVICE DISCIPLINARY
BOARD REGULATIONS 2005

IN exercise of the powers conferred by Clause (5B) of Article 144 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

Citation and
commencement.

1. (1) These Regulations may be cited as the **State of Malacca Public Service Disciplinary Boards Regulations 2005**.

(2) These Regulations come into operation on 1 June 2005.

Interpretation.

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Group A” means—

(a) the Salary Group A under the Cabinet Committee Report 1976; and

(b) the Top Management Group and the Managerial and Professional Group under the New Remuneration System;

“Group B” means—

(a) the Salary Group B under the Cabinet Committee Report 1976; and

(b) the Support Group 1 of the following grades and equivalent thereof under the New Remuneration System:

A4, A5, B4, B5, C4, C5, E4, E5, F4, F5, F10, F11, G4, G5, G6, J4, J5, KB6, KB7, KP4, KP5, KX6, KX7, N4, N5, N6, Q5, Q6, S4, S4-1, S5, S5-3, U4, U5, U6, U7, U7-1, U8, W4, W5, W6 and W6-3;

“Group C” means—

(a) the Salary Group C under the Cabinet Committee Report 1976; and

(b) the Support Group 1 of the following grades or equivalent thereof under the New Remuneration System:

A6, A7, A7-3, B6, B7, C7, E6, E7, F6, F7, G7, G8, J6, J6-1, J7, J7-3, KB8, KB9, KB10, KP6, KP7, KP8, KX8, KX9, KX10, N7, N7-1, N8, N8-3, N9, N9-2, N9-3, Q7, Q8, Q8-2, S6, S7, S7-3, U8, UB1, UB1-18, U9, U10, U11, U12, W7, W8 and W8-3;

“Group D” means—

(a) the Salary Group D under the Cabinet Committee Report 1976; and

- (b) the Support Group 2 of the following grades and equivalent thereof under the New Remuneration System:

A8, A9, A10, A11, A12, B8, B9, C8, C9, E9, F8, F9, G9, G10, G11, G11-8, J8, J9, KB11, KB12, KB13, KP9, KP10, KP10-3, KX11, KX12, N10, N11, N11-1, N11-2, N11-3, N11-4, N11-9, N12, N12-1, N12-2, N13, Q10, R1, R2, R3, R4, R4-1, R5, R6, R6-1, R6-4, R7, R7-1, R8, R8-2, R9, R9-6, R10, R10-3, R10-5, R10-6, R10-7, R10-9, R10-17, R11, R11-1, R11-4, R11-6, R11-7, S8, S9, S10, U13, U14, U15, U16 and W10;

“New Remuneration System” means the New Remuneration System as implemented by Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.

3. (1) There shall be established for the State of Malacca Public Service the following Disciplinary Boards (each of which shall hereinafter be referred to as “the Disciplinary Board”):

Establishment of Disciplinary Boards.

- (a) the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group A);
- (b) the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Groups B and C); and
- (c) the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group D).

(2) The Disciplinary Board shall consists of members specified in the First Schedule.

(3) The quorum for a Disciplinary Board meeting shall consist of the Chairman and two other members.

4. (1) Subject to subregulations (2), (3), (4) and (5), the Disciplinary Board shall have jurisdiction in matters relating to the conduct and discipline of all persons who are members of the State of Malacca Public Service mentioned in paragraph (g) of Clause (1) of Article 132 of the Federal Constitution.

Functions of the Disciplinary Board.

(2) The State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group A) shall have jurisdiction over all officers in Group A.

(3) The State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Groups B and C) shall have jurisdiction over all officers in Groups B and C.

(4) The State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group D) shall have jurisdiction over all officers in Group D.

(5) No Disciplinary Board, except the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group D), shall exercise the disciplinary powers of dismissal and reduction in rank.

Power of dismissal and reduction in rank of officers in the Top Management Group and Managerial and Professional Group.

5. (1) The power to dismiss or reduce in rank an officer in the Top Management Group and the Managerial and Professional Group shall be exercised by the Public Service Commission.

(2) Notwithstanding any of the provisions in these Regulations, the Public Services Commission may, in the exercise of its powers under subregulation (1), impose any punishment other than reduction in rank or dismissal if it deems it appropriate to do so.

Meeting of the Disciplinary Board.

6. For the purpose of exercising its functions, the Disciplinary Board shall meet on such date and at such place and time as the Chairman may determine.

Voting.

7. All questions raised at meetings of the Disciplinary Board shall be decided by a majority of votes and in the event of an equality of votes the Chairman shall have a casting vote.

Records of meetings of the Disciplinary Board.

8. The Chairman shall be causes to be kept records of all meetings of the Disciplinary Board.

Disciplinary Board to abide by principles and procedure laid down.

9. In the exercise of its functions under these Regulations the Disciplinary Board shall abide by the principles and procedures prescribed in the General Orders or such other administrative orders or directives for the time being lawfully issued and in force.

Opportunity of being heard.

10. (1) Subject to subregulation (2), no order to dismiss or reduce an officer in rank shall be made by the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group D) in any disciplinary proceedings unless such officer has been informed in writing of the grounds on which it is proposed to take action against him and has been afforded a reasonable opportunity of being heard.

(2) Subregulation (1) shall not apply in the following cases:

- (a) where an officer is dismissed or reduced in rank on the ground of conduct in respect of which a criminal charge has been proved against him;
- (b) where the Disciplinary Board is satisfied that for some reasons, to be recoded by it in writing, it is not reasonably practicable to carry out the requirements of this regulation;
- (c) where the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that in the interests of the security of Malaysia or any part thereof it is not expedient to carry out the requirements of this regulation; or
- (d) where there has been made against an officer any order of detention, supervision, restricted residence, banishment or deportation, or where there has been imposed on such officer any form of restriction or supervision by bond or otherwise, under any law relating to the security of Malaysia or any part thereof, prevention of crime, preventive detention, restricted residence, banishment, immigration or protection of women and girls.

11. Before making a decision regarding any matter upon which it is required so to determine, the Disciplinary Board may, if it considers necessary to obtain further explanation, require an investigation to be conducted by an officer or a body officers for the purpose of obtaining an explanation and recommendation in respect of the matter.

Disciplinary Board may require an investigation.

12. (1) There shall be established the State of Malacca Public Service Disciplinary Appeal Board (Group A) (hereinafter referred to as “the Group A Disciplinary Appeal Board”) consisting of members of the Public Services Commission for the time being appointed under Article 139 of the Federal Constitution.

Disciplinary Appeal Board for Group A.

(2) The Chairman of the Public Services Commission shall be the Chairman of the Group A Disciplinary Appeal Board. If the Chairman of the Public Services Commission is unable, for any reason, to chair the Disciplinary Appeal Board, his places shall be taken by the Deputy Chairman of the Public Services Commission or by any other member of the Public Services Commission specially appointed for the purpose by the Chairman.

(3) The functions of the Group A Disciplinary Appeal Board shall to be receive, consider and decide on any appeal made in accordance with the provisions of these Regulations with respect to any decision of the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group A).

13. (1) There shall be established the State of Malacca Public Service Disciplinary Appeal Board (Groups B, C and D) (hereinafter referred to as “the Groups B, C and D Disciplinary Appeal Board”) consisting of members specified in the Second Schedule.

Disciplinary Appeal Board for Groups B, C and D.

(2) The functions of the Groups B, C and D Disciplinary Appeal Board shall, subject to subregulation 15(2), be to receive, consider and decide on any appeal made in accordance with the provisions of these Regulations with respect to any decision of the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Groups B and C) and the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group D).

14. (1) There shall be established the State of Malacca Public Service Disciplinary Appeal Board (Group D) (Dismissal and Reduction in Rank) (hereinafter referred to as “the Group D Disciplinary (Dismissal and Reduction in Rank) Appeal Board”) consisting of members of the Public Services Commission for the time being appointed under Article 139 of the Federal Constitution.

Disciplinary Appeal Board for Group D in cases of dismissal and reduction in rank.

(2) The Chairman of the Public Services Commission shall be the Chairman of the Group D Disciplinary (Dismissal and Reduction in Rank) Appeal Board. If the Chairman of the Public Services Commission is unable for any reason, to chair the Disciplinary Appeal Board his place shall be taken by the Deputy Chairman of the Public Services Commission or by any other member of the Public Services Commission specially appointed for the purpose by the Chairman.

(3) The functions of the Group D Disciplinary (Dismissal and Reduction in Rank) Appeal Board shall be to receive, consider and decide on any appeal as respects dismissal or reduction in rank made in accordance with the provisions of these Regulations.

Appeal.

15. (1) Subject to subregulation (2), an officer aggrieved by the decision of the Disciplinary Board established under subregulation 3(1) may appeal against such decision to the Disciplinary Appeal Board established under regulation 12 or 13, as the case may be.

(2) An officer aggrieved by the decision of the State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group D) as respects dismissal or reduction in rank may appeal to the Group D Disciplinary (Dismissal and Reduction in Rank) Appeal Board established under regulation 14.

Procedure of appeal.

16. (1) An appeal shall be made in writing by an officer referred to in regulation 15 (hereinafter referred to as “the appellant”) to the Disciplinary Appeal Board through his Head of Department within fourteen days from the date on which the decision of the Disciplinary Board is communicated to him in writing.

(2) The Head of Department shall, not later than thirty days from the date of receipt of the appeal from the appellant, submit such appeal to the Disciplinary Board together with his comments.

(3) On receipt of the appeal under subregulation (2) the Chairman of the Disciplinary Board or, in his absence, the member delegated by him to do so shall cause to be prepared a copy of the records of proceedings of the Disciplinary Board including the grounds on which the Disciplinary Board relied upon in arriving at its decision.

(4) The records of proceedings prepared under subregulation (3) together with the grounds of decision and the appellant’s appeal shall be sent to the Disciplinary Appeal Board not later than thirty days from the receipt of the appeal by the Disciplinary Board.

Hearing of appeal.

17. (1) Upon receipt of the documents, the Chairman of the Disciplinary Appeal Board shall convene a meeting of the Disciplinary Appeal Board to consider the appeal.

(2) The Disciplinary Appeal Board shall decide an appeal solely on the merits of the grounds of appeal without receiving any further statement or evidence.

(3) Notwithstanding subregulation (2), the Disciplinary Appeal Board may, at its sole discretion and subject to the appellant’s right of being heard, call for any statement or evidence from any person if it is of the opinion that it would be fair and just so to do.

(4) After considering the appeal, the Disciplinary Appeal Board may—

- (a) remit the case to the Disciplinary Board for reconsideration;
- (b) confirm the decision of the Disciplinary Board;
- (c) confirm the decision of the Disciplinary Board as regards the appellant's wrongdoing, but vary the punishment to that of a lesser one; or
- (d) reverse the decision and punishment of the Disciplinary Board and acquit the appellant.

(5) The decision of the Disciplinary Board shall be final.

18. (1) The Rules made by the Public Services Commission for the purpose of regulating its procedure for the time being in force shall apply to the Disciplinary Appeal Board established under regulations 12 and 14 with such modifications as may be necessary as if such Rules form part of these Regulations.

Rules of
procedure of
Disciplinary
Appeal Board.

(2) The provisions of these Regulation relating to meetings, voting and minutes in respect of the Disciplinary Board shall apply to the Disciplinary Appeal Board constituted under regulation 13 with such modifications as may be necessary and reference to the Chairman of the Disciplinary Board shall be construed as reference to the Chairman of the Disciplinary Appeal Board and references to members of the Disciplinary Board shall be construed as references to the members of such Disciplinary Appeal Board.

19. The State of Malacca Public Services Disciplinary Board Regulations 1975 [*M.P.A. 311/1975*] and the State of Malacca Public Service Disciplinary Board Regulations 2002 [*M.P.U. 9 of 2002*] are repealed.

Repeal.

20. (1) Nothing in these Regulations shall affect any act done or proceedings commenced by the Disciplinary Board or Disciplinary Appeal Board under the Regulations repealed by regulation 19 and all such acts and proceedings shall be deemed to have been done or commenced by the Disciplinary Board or the Disciplinary Appeal Board as if these Regulations had been in force.

Saving and
transitional
provisions.

(2) Nothing in these Regulations shall be deemed to affect or take away any of the powers, privileges or protection conferred upon or accorded to the Public Services Commission or any member thereof under the Service Commissions Act 1957 [*Act 393*].

(3) Any disciplinary proceedings in respect of an officer commenced by the Disciplinary Board or Disciplinary Appeal Board before the commencement of these Regulations under the Regulations repealed

by regulation 19 may be disposed of by such Disciplinary Board or Disciplinary Appeal Board, notwithstanding the reclassification of such officer under any service regulations or circulars in force for the time being.

(4) Any appeal against the decision of the Disciplinary Board pursuant to subregulation (2), if not lodged before the commencement of these Regulations, shall be made to the relevant Disciplinary Appeal Board established under these Regulations.

Decisions to be
communicated to
officer in writing.

21. All decisions of the Disciplinary Board and the Disciplinary Appeal Board in respect of an officer shall be communicated to the officer in writing.

FIRST SCHEDULE

(Regulation 3)

COMPOSITION OF THE STATE OF MALACCA PUBLIC SERVICE DISCIPLINARY BOARDS

1. Subject to paragraph 2, the members of the State of Malacca Public Service Disciplinary Boards shall be as follows:

(a) *State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group A):*

The State Secretary as Chairman and the State Financial Officer and the Deputy State Secretary to be nominated by the State Secretary.

(b) *State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Groups B and C):*

The Head of Department as Chairman and two officers from Group A of the relevant Department or, where such an officer is not available, any Group A officer from the State Secretariat nominated by the State Secretary:

Provided that if the Head of Department is the State Secretary, the Deputy State Secretary nominated by the State Secretary shall be the Chairman.

(c) *State of Malacca Public Service Disciplinary Board (Group D):*

The Head of Department as Chairman and two officers of the relevant Department not lower than a Group B officer or, where such an officer is not available, any Group A officer the State Secretariat nominated by the State Secretary:

Provided that if the Head of Department is the State Secretary, the Deputy State Secretary nominated by the State Secretary shall be the Chairman.

2. The State Secretary may, for reasons to be recorded by him in writing, nominate any officer of a rank higher than that of the officer being charged, to substitute any member of the Disciplinary Boards at any of its meetings.

SECOND SCHEDULE

(Regulation 13)

COMPOSITION OF THE STATE OF MALACCA PUBLIC SERVICE
DISCIPLINARY APPEAL BOARDS (GROUPS B, C AND D)

The members of the State of Malacca Public Service Disciplinary Appeal Board (Groups B, C, and D) shall consists of—

- (a) the State Secretary as Chairman;
- (b) the State Legal Advisor; and
- (c) an officer from Group A who is of a higher rank than the appellant nominated by the State Secretary.

Dated 11 May 2005

[JKMM.S 111/1/17-3; PUN(M)353/22/14]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
Chief Minister
Malacca

M. P.U. 20.

AKTA KESALAHAN KECIL 1955

PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 3

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*], Ketua Polis Negeri Melaka membenarkan dipasang bunga api yang dinyatakan dalam Jadual pada 21 Mei 2005 dari jam 8.30 malam hingga jam 8.35 malam bertempat di Dataran Jasin, Melaka dan bagi maksud itu mengeluarkan lesen untuk memasang bunga api itu kepada Blastmaster (M) Sdn. Bhd., No. 10A, Jalan Rasmi 7, Taman Rasmi Jaya, 68000 Ampang, Selangor.

JADUAL

JENIS-JENIS BUNGA API

<i>Jenis-jenis "pyrotechnic effects" yang dipertunjukkan</i>	<i>Ketinggian</i>	<i>Jumlah</i>
Fountain	1 M	8 keping

Dibuat pada 20 Mei 2005

[FTMT JN: 70/05 Dlm. (PR) 61/7:

PUN(M) 223/6/Klt. 16]

DIN BIN AHMAD, SUPT.
Pemangku Ketua Polis Negeri,
Melaka

MINOR OFFENCES ACT 1955

ORDER UNDER SECTION 3

IN exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the Minor Offences Act 1955 [Act 336], the Chief Police Officer of Malacca authorises the letting off of firework specified in the Schedule on 31 May 2005 from 8.30 p.m. to 8.35 p.m. at Pulau Besar, Malacca and for that purpose a licence is issued to Blastmaster (M) Sdn. Bhd., No. 10A, Jalan Rasmi 7, Taman Rasmi Jaya, 68000 Ampang, Selangor.

SCHEDULE

TYPES OF FIREWORKS

<i>Type of "Protechnic Effects" Displayed</i>	<i>Heights</i>	<i>Total</i>
Fountain	1 M	8 pcs

Made the 20 May 2005
[FTMT JN: 70/05 Dlm. (PR) 61/7:
PUN(M) 223/6/Klt. 16]

DIN BIN AHMAD, SUPT.
Acting Chief Police Officer
Melaka

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA